

BN, UMNO perlu mentaliti bisnes

Utusan Online

04 Mei, 2012

Oleh AZELI ALI

BUKIT MERTA JAM 3 Mei - Pemimpin Barisan Nasional (BN) dan UMNO perlu memiliki mentaliti bisnes untuk meraih sokongan rakyat serta kekal sebagai kerajaan memerintah kerana senario politik masa kini berbeza dengan 20 tahun lalu.

Ini kerana jika dulu para pengundi memilih kerajaan memerintah berdasarkan ikut-ikutan kepada parti tertentu serta pujukan ahli keluarga atau rakan, namun kini ia adalah satu pelaburan yang memerlukan pulangan setimpal dengan undi diberi.

Bagi Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh, Datuk Abdul Jalil Abdul Majid, mentaliti itu perlu ada terutama kepada pemimpin UMNO kerana rakyat mahu balasan dari segi pembangunan dan kemajuan tanpa mengira di bandar atau di desa.

Menurutnya, strategi itulah yang diamalkan oleh parti pembangkang yang menabur pelbagai janji manis kepada para pengundi semata-mata bagi meraih sokongan biarpun ia hanya sekadar kata-kata manis di bibir sahaja tanpa ditunaikan.

"Itulah sebabnya masih ramai yang menyokong Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana beliau berani menjanjikan macam-macam kepada rakyat biarpun kita tahu ia hanya omongan kosong.

"Ini berbeza dengan UMNO dan BN kerana kita akan tunaikan apa dijanjikan malah begitu banyak yang kita sudah beri kepada rakyat tetapi ia sebenarnya belum cukup untuk menarik mereka kepada BN malah sehingga kini mereka masih menyokong pembangkang," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Oleh itu, katanya, UMNO dan BN perlu lebih agresif untuk membuktikan bahawa rakyat akan mendapat lebih daripada apa dijanjikan pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Tambah Abdul Jalil, di Permatang Pauh sendiri, begitu banyak kemudahan dan pembangunan dibawa oleh BN kepada penduduk di kawasan terbabit sama ada dalam bidang pendidikan, keagamaan, belia, prasarana asas dan banyak lagi.

Jelasnya, antara projek besar yang sedang dijalankan Kerajaan Persekutuan di Permatang Pauh adalah menaik taraf Empangan Mengkuang dengan kos dianggarkan bernilai RM600 juta.

"Kerajaan BN tidak perlu menunggu pilihan raya untuk membawa pembangunan kepada rakyat malah ia dijalankan sepanjang masa agar rakyat selesa dengan apa yang dijanjikan selama ini.

"Buktinya, beberapa projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) juga dibangunkan di kawasan ini biarpun ada kalanya pemaju seperti JKP Sdn. Bhd., dan UDA Holding berhadapan kerenah birokrasi kerajaan DAP Pulau Pinang," ujarnya.

Menurut Abdul Jalil, Kerajaan Pusat telah mengeluarkan peruntukan untuk membaik pulih 80 buah rumah serta membina semula 38 buah rumah di kawasan itu.

Selain itu, projek tebatan banjir dengan kos hampir RM170 juta bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku melibatkan beberapa kampung di sekitar Penanti telah disiapkan sepenuhnya pada 2008.

Pada masa sama, beberapa klinik terutama untuk ibu mengandung dan kanak-kanak telah dibina antaranya di Kampung Padang Ibu, Simpang 3 Kubang Ulu dan Bukit Indera Muda.

Tidak dilupakan juga kemudahan untuk para belia terutama gelanggang futsal yang telah dibina di Mengkuang manakala sebuah lagi sedang dalam proses untuk dibina di Guar Jering.

Untuk kemudahan rumah ibadat pula kata Abdul Jalil, beberapa masjid baru sedang dalam proses akhir menyediakan pelan untuk dibina selain beberapa lagi telah siap dibaik pulih bagi memberi keselesaan kepada jemaah.

"Bagi rumah ibadat kaum Cina, beberapa tokong juga telah menerima peruntukan untuk kerja-kerja baik pulih antaranya di Kampung Sungai Lembu dan Jalan Tanah Liat.

"Dalam bidang pendidikan pula, kita juga telah menerima peruntukan hampir RM300 juta untuk projek pembesaran kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh," ujarnya.

Ditanya cabaran menjadi Ketua UMNO di kawasan kubu kuat Anwar, Abdul Jalil berkata, ia bukan masalah besar baginya kerana yang penting adalah rakyat tahu bahawa hanya BN boleh membantu rakyat.

Malah untuk memantapkan lagi jentera BN di kawasan itu, beliau mengadakan kursus bersama melibatkan parti-parti komponen BN iaitu UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan Parti Progresif Penduduk (PPP) selama tiga hari di Pulau Langkawi baru-baru ini.

Menurutnya, melalui kursus itu, semua pihak dapat berkongsi idea dan strategi menawan semula kerusi Parlimen Permatang Pauh serta Dewan Undangan Negeri Penanti dan Permatang Pasir yang kini dikuasai PKR dan Pas.

"Kursus yang melibatkan parti komponen ini belum pernah diadakan sebelum ini dan idea saya itu mendapat penghargaan beberapa pihak yang berharap koordinasi kerja antara semua yang terlibat dapat dipertingkatkan.

"Jika BN sendiri mantap dan dapat memenuhi kehendak pelabur iaitu pengundi, tidak mustahil kerusi Permatang Pauh kembali ke tangan BN pada pilihan raya umum nanti," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0504&pub=Utusan_Malaysia&sec=Utara&pg=wu_01.htm